



KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA

**STATISTIK TENAGA BURUH, MALAYSIA,
MEI 2026**

**Kadar pengangguran Mei 2026 kekal pada
3.0 peratus, mencatatkan 513.4 ribu penganggur**

PUTRAJAYA, 10 Julai 2026 - Kadar pengangguran Mei 2026 kekal pada 3.0 peratus, mencatatkan 513.4 ribu penganggur, menurut Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM). Angka ini diperincikan dalam penerbitan **Statistik Tenaga Buruh, Mei 2026**. Laporan tersebut memberikan gambaran mengenai penawaran buruh Malaysia, berdasarkan data daripada Survei Tenaga Buruh yang dilaksanakan oleh DOSM.

Mengulas mengenai prestasi keseluruhan bagi Mei 2026, DOSM menyatakan bahawa pasaran buruh negara menunjukkan peningkatan sederhana seiring dengan pertumbuhan ekonomi yang stabil, mencatatkan pertumbuhan guna tenaga yang konsisten serta kadar pengangguran yang kekal rendah, walaupun berdepan dengan krisis gangguan rantai bekalan global. Oleh itu, tenaga buruh terus menunjukkan momentum peningkatan pada bulan tersebut, naik 0.1 peratus bulan ke bulan kepada 17.34 juta orang (April 2026: 17.33 juta orang). Sehubungan itu, kadar penyertaan tenaga buruh kekal pada 70.9 peratus, sama seperti bulan sebelumnya.

Pada masa yang sama, bilangan penduduk bekerja terus meningkat pada Mei 2026, dengan pertambahan marginal 0.1 peratus, merekodkan 16.82 juta orang (April 2026: 16.82 juta orang). Sementara itu, bilangan penganggur merekodkan peningkatan 0.3 peratus, mencecah 513.4 ribu orang (April 2026: 511.8 ribu orang). Kadar pengangguran Mei kekal pada 3.0 peratus, seperti bulan yang lalu.

Menurut DOSM, 75.0 peratus daripada jumlah penduduk bekerja berada dalam kategori pekerja. Kategori ini meningkat sedikit 0.04 peratus kepada 12.61 juta orang pada Mei 2026 (April 2026: 12.61 juta orang). Begitu juga, bilangan penduduk bekerja sendiri bertambah 0.1 peratus kepada 3.15 juta orang (April 2026: 3.15 juta orang).

Dari perspektif sektor ekonomi, sektor Perkhidmatan terus menjadi penyumbang utama kepada jumlah guna tenaga pada bulan tersebut, dengan aktiviti Perdagangan borong dan runcit; aktiviti Penginapan dan perkhidmatan makanan & minuman; serta Maklumat & komunikasi meliputi sumbangan terbesar dalam guna tenaga. Sektor utama lain, termasuk Pembuatan, Pembinaan, Pertanian, dan Perlombongan &

pengkuarian, turut mencatatkan peningkatan dalam bilangan penduduk bekerja pada Mei 2026.

Menjelaskan lebih lanjut mengenai situasi pengangguran pada Mei 2026, DOSM menyatakan bahawa 79.5 peratus daripada jumlah penganggur merupakan penganggur aktif, merujuk kepada individu yang bersedia untuk bekerja dan sedang aktif mencari pekerjaan. Kumpulan ini meningkat 0.2 peratus kepada 408.0 ribu orang (April 2026: 407.1 ribu orang). Dalam kalangan penganggur aktif, 63.9 peratus menganggur kurang daripada tiga bulan, manakala 5.0 peratus berada dalam pengangguran jangka panjang melebihi setahun. Sementara itu, mereka yang percaya bahawa tiada pekerjaan tersedia, atau penganggur tidak aktif, naik 0.7 peratus kepada 105.5 ribu orang (April 2026: 104.7 ribu orang).

Kadar pengangguran dalam kalangan belia berumur 15 hingga 24 tahun kekal tidak berubah iaitu 10.2 peratus pada Mei 2026, merekodkan 291.6 ribu penganggur belia (April 2026: 290.8 ribu orang). Begitu juga, kadar pengangguran bagi belia berumur 15 hingga 30 tahun kekal 6.3 peratus, dengan seramai 396.0 ribu penganggur belia dicatatkan pada bulan tersebut (April 2026: 394.7 ribu orang).

Sementara itu, bilangan penduduk di luar tenaga buruh pada Mei 2026 meningkat sedikit 0.04 peratus kepada 7.10 juta orang, berbanding bulan sebelumnya (April 2026: 7.10 juta orang). Kerja rumah/tanggungjawab keluarga kekal sebagai sebab utama berada di luar tenaga buruh, merangkumi 43.3 peratus, manakala kategori bersekolah/latihan berada di kedudukan kedua pada 40.5 peratus.

Mengakhiri kenyataan tersebut, pasaran buruh Malaysia dijangka terus kekal berdaya tahan dalam tempoh beberapa bulan akan datang, disokong oleh keadaan ekonomi domestik yang menggalakkan, aktiviti pelaburan yang berterusan serta kemajuan transformasi struktur ekonomi negara. Walaupun ketidakpastian luaran berpotensi mempengaruhi aktiviti pengambilan pekerja dalam industri tertentu, kedudukan pasaran buruh secara keseluruhannya dijangka terus stabil. Usaha berterusan untuk meningkatkan produktiviti buruh, memperkukuh pengadaptasian tenaga kerja serta mempertingkatkan padanan antara penawaran buruh dengan permintaan industri akan terus menjadi faktor penting dalam mengekalkan peluang pekerjaan yang berkualiti dan menyokong pertumbuhan ekonomi jangka panjang.


Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) sedang melaksanakan **Banci Ekonomi 2026 (BE2026)** dengan tema “**Data Nadi Ekonomi Rakyat**”. Pelaksanaan Banci Ekonomi kali keenam ini berlangsung dari **5 Januari hingga 31 Oktober 2026**. BE2026 bertujuan untuk mengumpul data yang menyeluruh dan berstruktur daripada semua pertubuhan perniagaan berdaftar dan tidak berdaftar di Malaysia, bagi menilai prestasi, struktur serta ciri-ciri ekonomi negara secara komprehensif dan berasaskan bukti.

Malaysia buat julung kalinya telah menduduki **tangga pertama (1)** di peringkat global dalam laporan dwi-tahunan **Open Data Inventory (ODIN) 2024/25** yang dikeluarkan oleh Open Data Watch (ODW), mengatasi 197 negara lain. Pencapaian ini merupakan lonjakan ketara daripada kedudukan ke-67 dalam penilaian ODIN 2022/23.


OpenDOSM NextGen adalah medium yang menyediakan katalog data dan visualisasi bagi memudahkan pengguna menganalisis pelbagai data dan boleh diakses melalui portal <https://open.dosm.gov.my>.

MyLabourHub ialah platform komprehensif yang mengintegrasikan institusi, data dan teknologi bagi menyediakan maklumat pasaran buruh yang relevan, tepat dan mudah diakses. Dapatkan data pasaran buruh Malaysia melalui MyLabourHub di <https://mylabourhub.dosm.gov.my>.


Carta 1: Penduduk bekerja, Malaysia, Januari - Mei 2026



Carta 2: Pengangguran, Malaysia, Januari - Mei 2026



Carta 3: Luar tenaga buruh, Malaysia, Januari - Mei 2026



Nota: Statistik Survei Tenaga Buruh bagi Januari 2026 dan seterusnya dianggar menggunakan data unjuran berdasarkan anggaran penduduk semasa terkini

Dikeluarkan oleh:

PEJABAT KETUA PERANGKAWAN MALAYSIA
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA
10 JULAI 2026



MINISTRY OF ECONOMY
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA

MEDIA STATEMENT

LABOUR FORCE STATISTICS, MALAYSIA, MAY 2026

The unemployment rate in May 2026 stood at 3.0 per cent, registering 513.4 thousand unemployed

PUTRAJAYA, July 10, 2026 - The unemployment rate in May 2026 stood at 3.0 per cent, registering 513.4 thousand unemployed, according to the Department of Statistics Malaysia (DOSM). The figures were detailed in the **Labour Force Statistics, May 2026** release. The report provides insights on the Malaysia's labour supply, based on data from the Labour Force Survey conducted by DOSM.

Commenting on the overall performance for May 2026, DOSM stated that the country's labour market improved moderately in line with stable economic growth, registering steady employment growth and a persistently low unemployment rate, amid the global supply crisis. Therefore, the labour force continued its upward momentum during the month, rising by 0.1 per cent month-on-month to 17.34 million persons (April 2026: 17.33 million persons). Accordingly, the labour force participation rate stood at 70.9 per cent, the same as in the previous month.

On the same note, the number of employed persons continued to increase in May 2026, with a marginal rise of 0.1 per cent to record 16.82 million persons (April 2026: 16.82 million persons). In the meantime, the unemployed recorded an addition of 0.3 per cent, reaching 513.4 thousand persons (April 2026: 511.8 thousand persons). May's unemployment rate remained at 3.0 per cent, as in the prior month.

According to DOSM, 75.0 per cent of the total employed persons were in the employees' category. This category went up slightly by 0.04 per cent to 12.61 million persons in May 2026 (April 2026: 12.61 million persons). Similarly, the number of own-account workers increased by 0.1 per cent to 3.15 million persons (April 2026: 3.15 million persons).

From a sectoral perspective, the Services sector continued to be the main contributor to total employment in the current month, with Wholesale & retail trade; Accommodation and Food & beverage service activities; and Information & communication activities accounting for the largest share of the employment. Other

major sectors, including Manufacturing, Construction, Agriculture, and Mining & Quarrying, also registered increases in the number of employed persons in May 2026.

Providing further details on the unemployment situation in May 2026, DOSM highlighted that 79.5 per cent of the total unemployed persons were actively unemployed, referring to those who were available for work and actively seeking jobs. This group increased by 0.2 per cent to 408.0 thousand persons (April 2026: 407.1 thousand persons). Among the actively unemployed, 63.9 per cent were unemployed for less than three months, while 5.0 per cent experienced long-term unemployment for more than a year. Meanwhile, those who believed that no jobs were available, or the inactively unemployed, went up by 0.7 per cent to 105.5 thousand persons (April 2026: 104.7 thousand persons).

The unemployment rate among youths aged 15 to 24 years remained unchanged at 10.2 per cent in May 2026, recording 291.6 thousand unemployed youths (April 2026: 290.8 thousand persons). Likewise, the unemployment rate for those aged 15 to 30 years stood at 6.3 per cent, with 396.0 thousand unemployed youths registered during the month (April 2026: 394.7 thousand persons).

Meanwhile, the number of persons outside the labour force in May 2026 increased marginally by 0.04 per cent to 7.10 million persons, compared to the preceding month (April 2026: 7.10 million persons). Housework/family responsibilities remained the primary reason for being outside the labour force, accounting for 43.3 per cent, while schooling/training ranked second at 40.5 per cent.

Concluding the statement, Malaysia's labour market is expected to remain resilient in the coming months, supported by favourable domestic economic conditions, sustained investment activity and ongoing structural transformation. Despite external uncertainties that may affect hiring activities in some industries, overall labour market stability is expected to be sustained. Continued efforts to enhance labour productivity, strengthen workforce adaptability and better align labour supply with industry demand will be essential in sustaining quality employment and supporting long-term economic growth.

The Department of Statistics Malaysia (DOSM) is conducting the **Economic Census 2026 (BE2026)**, with themed “**Data Nadi Ekonomi Rakyat**”. The sixth Economic Census, will be carried out from **5th January to 31st October 2026**. BE2026 aims to collect comprehensive and structured data from all registered and unregistered business establishments in Malaysia to assess the nation’s economic performance, structure and characteristics in an evidence-based manner.

Malaysia has, for the first time, successfully secured the **top position** globally in the biennial **Open Data Inventory (ODIN) 2024/25** report released by Open Data

Watch (ODW), surpassing 197 other countries. This achievement marks a significant leap from its 67th position in the ODIN 2022/23 assessment.

OpenDOSM NextGen is a medium that provides data catalogue and visualisations to facilitate users' analysis and can be accessed through <https://open.dosm.gov.my>.

MyLabourHub is a comprehensive platform that integrates institutions, data and technology to deliver relevant, accurate and accessible labour market information. Access the labour market data for Malaysia at <https://mylabourhub.dosm.gov.my>.

Chart 1: Employed persons, Malaysia, January - May 2026






Chart 2: Unemployment, Malaysia, January - May 2026





Note: The Labour Force Survey statistics for January 2026 onwards are estimated using projection data based on the latest current population estimates

Released by:

THE OFFICE OF CHIEF STATISTICIAN MALAYSIA
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA
10th JULY 2026